



Bicara Selasa

■ RAHMAN SHAARI

Pidato dan pencapaian politik

PIDATO ialah bentuk komunikasi di pentas. Tujuan utama pidato ialah untuk mengajak dan memujuk khalayak menyebelahi pemicato. Jika pemicato berada dalam satu parti politik, maka pidatonya akan mengajak khalayak menyokong partinya itu. Pidato yang berkesan berisi kata-kata yang bagus, dan kata-kata itu disampaikan dengan nada, mimik muka, gerak badan, dan unsur-unsur psikomotor lain yang berpadanan. Pidato yang baik juga sesekali memuatkan kata perangsang, diselangi jenaka dan cerita.

Penyanyi berada di atas pentas untuk menghiburkan penonton. Memang ada tujuan-tujuan lain, tetapi hiburan ialah tujuan utama penyanyi. Lagu patriotik dan lagu keagamaan dihasratkan untuk menimbulkan semangat dan kesedaran, tetapi tujuan itu bukanlah yang utama. Tujuan begitu akan lebih mudah dicapai melalui ceramah agama dan sivik. Pihak yang memperjuangkan lagu patriotik dan nasyid selalu mengatakan bahawa mereka mendidik sambil menghibur. Namun, tidak pernah dibuktikan bahawa pendidikan mengatasi hiburan melalui lagu-lagu itu. Jadi, pendidikan sentiasa tidak menjadi tujuan utama kegiatan nyanyian.

Hubungan pidato dengan pemujukan adalah akrab. Nama-nama Hitler, Abraham Lincoln membawa ke Sukarno adalah bukti nyata bahawa pidato berupaya membawa pengaruh yang besar, dan orang ramai terpujuk menyokong pemicato. Di Malaysia, Abdul Hadi Awang daripada Pas pernah disebut sebagai 'orator' yang amat berupaya. Jauh sebelum itu, peminat politik Malaysia pernah menikmati gaya pidato Abu Bakar Hamzah, yang juga daripada Pas. Tokoh UMNO yang bagus berpidato pada satu ketika ialah Sanusi Junid, walaupun beliau tidak dapat mengatasi Anwar Ibrahim.

Dr. Mahathir Mohammad sebagai ahli pidato

mempunyai kaedah yang tersendiri. Beliau tidak terlalu bergantung pada tinggi rendah suara, seperti kebanyakan pemicato yang terkemuka. Pidatonya mendatar, tetapi orang sanggup mengikuti butir-butir bicaranya hingga berjam-jam. Kebagusan pidato Dr. Mahathir terletak pada isi yang dibangunkan berasaskan logik. Beliau berhubung dengan menggunakan fakta-fakta yang dihubungkan-hubungkan, dan kadangkala orang agama memarahinya kerana contoh-contoh dalam pidatonya. Kemarahan orang juga menambahkan popularitinya sebagai ahli pidato.

Ahli pidato yang sejak mahasiswa menempah nama ialah Anwar Ibrahim. Tanpa mengatakan beliau sentiasa benar, atau sentiasa silap, Anwar ialah pemicato istimewa. Penolakan fakta ini hanya dilakukan oleh si keras kepala, iaitu orang yang enggan menerima hakikat. Sebelum Anwar Ibrahim menyertai UMNO, sukar sekali untuk ditemukan pemicato hebat dalam parti itu. Apabila beliau menyertai UMNO, sukar pula beliau sendiri memadankan 'isi kerajaan' dengan gaya aslinya. Dalam hal ini, beliau tidak sesuai berada di pihak kerajaan. Gaya pidato Anwar ialah gaya protes.

Lantaran sukarnya beliau mengemukakan isi 'kerajaan' kepada khalayak, keberadaan Anwar dalam UMNO hanya dihayati oleh sebahagian daripada ahli-ahli parti itu. Para pembangkang pula berasa risau apabila Anwar di sebelah kerajaan. Puncak kepada kerisauan pembangkang ditandakan oleh kata-kata Mohamad Sabu orang kuat Pas, bahawa Anwar Ibrahim lebih berbahaya daripada Mahathir jika menjadi Perdana Menteri. Mohamad Sabu menyebutkan kenyataan itu setelah dikaitkan dengan nepotisme, tetapi makna di sebaliknya ialah kebimbangan tokoh Pas itu untuk menghadapi kemaraan Anwar Ibrahim. (Lihat buku Layakkah Anwar Ketua Reformasi (1998),

karya Ahmad Lutfi Othman, hal.108.)

Kekuatan Anwar Ibrahim memang terletak pada kehebatannya berpidato. Jika dibandingkan dengan Abdul Hadi Awang, setelah ditinjau segala aspek pidato, Anwar berada di tahap yang lebih atas. Ekspresi wajah, gerak badan dan intonasi pidato Anwar Ibrahim memang mempesonakan hadirin. Kata-katanya kaya dengan fakta.

Beliau ialah tokoh yang berilmu, dan ilmunya datang dari keluasan pembacaannya. Sesiapa yang pernah menjadi muridnya akan mengakui kehebatannya berujah tentang teori budaya Barat dan Timur. Beliau menghafal pandangan-pandangan Ismail al-Faruqi, Fazlur Rahman dan lebih-lebih lagi Syed Muhammad Naquib al-Attas. Di samping itu beliau juga amat memahami Marxisme hingga ke Confucianisme.

Kebijaksanaan seorang dalam pidato mungkin sukar untuk diibangi dengan kebijaksanaannya dalam melaksanakan isi pidatonya dalam pentadbiran. Dalam hal ini, kebimbangan Mohamad Sabu berasas. Dalam pentadbiran, seseorang mungkin keras, tidak demokratik dan seumpamanya, sedangkan dalam pidato, idealisme politik dikemukakan.

Ahli pidato lebih baik terus menjadi pengkritik daripada memegang tampuk kuasa. Sukarno yang handal berpidato, apabila menjadi ketua kerajaan, tidak menghasilkan kekuatan ekonomi negaranya. Sejarah membuktikan bahawa Dr. Mahathir lebih menjamin pelaksanaan isi, biarpun pidatonya mendatar, berbanding dengan tokoh yang disebutkan di atas.

Oleh sebab kita belum berada dalam zaman Anwar Ibrahim sebagai Perdana Menteri, adalah silap untuk sesiapa mengakui seratus peratus hipotesis di atas. Pencapaian Anwar sebagai Timbalan Perdana Menteri dapat dikatakan bukan penentu bawaannya. Yang berkuasa ialah

Perdana Menteri, bukan Timbalan. Berkaitan perkara ini, barangkali elok ditinjau pencapaian Abdul Hadi Awang selaku mantan Menteri Besar Terengganu. Adakah pidato hebatnya sejajar dengan pencapaian pentadbirannya itu?

Peninjau politik, dan rakyat yang kritis – terutama rakyat Terengganu – dapat memberikan jawapan. Walau bagaimanapun, hingga kini kehandalan berpidato tetap melekat pada peribadi Abdul Hadi Awang, dan itu menjadi komponen penting identitinya. Identiti itulah menentukan pencapaiannya sebagai calon pilihan raya.

Pidato bukanlah satu-satunya alasan seseorang calon pilihan raya memperoleh undi yang banyak. Dalam dekad 1970-an, beberapa orang tokoh sosialis berpidato dengan hebat di pentas politik. Oleh sebab ideologi sosialisme sukar diterima rakyat Malaysia, kesemua mereka kalah, biarpun pidato mereka adalah cemerlang.

Calon pembangkang yang menang ketika itu ialah calon yang medioker, iaitu calon-calon yang berupaya berkata tentang persekitaran dengan bahasa yang amat biasa disertai lawak bodoh.

Sebagai contoh, lawak bodoh yang masih melekat di ingatan saya ialah lambang dacing Barisan Nasional dilucukan menjadi zalikal-kati, untuk dipertentangan dengan zalikal-kitab. (Kati ialah alat penimbang yang disamakan dengan dacing). Walau bagaimanapun, satu hal perlu disebutkan kembali, iaitu betapa pun lawak yang dikemukakan itu lawak bodoh, khalayak menerimanya. Jadi, pada ketika itu, lawak bodoh ialah jenaka yang dikehendaki khalayak.

**Profesor Rahman Shaari ialah Pensyarah Penulisan Kreatif di Jabatan Pengajian Media, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya.*